



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN
KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN
SELANGOR KALI KE 31
(SESI 2017 – 2019)

Tarikh : 30 Mac 2018 (Jumaat)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Menara Yayasan Selangor
Petaling Jaya, Selangor



ISI KANDUNGAN

1. Kandungan
2. Notis Mesyuarat Agung PKSKKYS Kali ke 31
3. Agenda Mesyuarat Agung PKSKKYS Kali ke 31
4. Minit Mesyuarat Agung PKSKKYS Kali ke 30
5. Laporan Akitiviti 2017
 - Kedudukan Ahli Jawatankuasa PKSKKYS
 - Rekod Kehadiran Mesyuarat
 - Laporan Aktiviti PKSKKYS
6. Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2017
 - Laporan Pemeriksa Kira-kira
 - Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan
 - Lembaran Imbangan
 - Nota-nota Akaun
7. Pembentangan Usul dan Cadangan Pada Tahun 2018



PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN & KEBUDAYAAN KAKITANG YAYASAN SELANGOR

Emel: info@pkskkys.com Laman Web: <http://www.pkskkys.com>

Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor, No
Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7955 1212 Fax: 03-7954 1790

(05) PKS KYS/SU/SESI 2017-2019

08 Mac 2018

Semua Ahli

Persatuan Kebajikan, Sukan Dan Kebudayaan Kakitangan
Yayasan Selangor

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR KALI KE – 31

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor akan mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke 31 pada :-


Tarikh : 30 Mac 2018 (Jumaat)
Masa : 2.30 petang
**Tempat : Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan**

2. Sehubungan itu, semua ahli PKS KYS dijemput hadir ke mesyuarat tersebut.
3. Bersama ini dilampirkan **Agenda Mesyuarat** dan **Borang Usul** untuk tindakan tuan/puan. Borang Usul hendaklah diserahkan kepada Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor sebelum **26 Mac 2018**.

Kehadiran tuan/puan di dalam program ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

" TEGUH, PRIHATIN DAN SAKSAMA "

Yang benar,


NORLINDA NASRUDDIN
Setiausaha

s.k Pemangku Pengurus Besar Yayasan Selangor
Yang Dipertua PKS KYS



AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR KALI KE 31

- 2.30 petang : Kehadiran dan Pendaftaran Ahli-ahli PKSKKYS
- 2.45 petang : Ketibaan Pemangku Pengurus Besar Yayasan Selangor
- 3.00 petang : Ucapan Aluan Yang Dipertua PKSKKYS
- : Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PKSKKYS kali Ke 31
- : oleh Pemangku Pengurus Besar Yayasan Selangor
- : Penyampaian Buku Latihan SPM, PT3 & UPSR
- : Pembentangan Program / Aktiviti Persatuan
- : Mesyuarat Agung Tahunan PKSKKYS Kali Ke 31 dimulakan
- Membentangkan dan Menerima Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKSKKYS Kali Ke 30 pada 28 Mac 2017
 - Perkara – perkara Berbangkit
 - Membentang dan Menerima Laporan Aktiviti Tahunan PKSKKYS 2017
 - Membentang dan Menerima Penyaan Kewangan PKSKKYS Tahun Berakhir 31 Disember 2017
 - Membentang dan Membahaskan Usul
 - Ucapan Penangguhan
- 4.30 petang : Jamuan
- 5.00 petang : Tamat dan Bersurai

**MINIT MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN PKSCKYS KALI KE 30
(28 MAC 2017)**

LAPORAN AKTIVITI
TAHUNAN
PKSKKYS TAHUN
2017

1.0 KEDUDUKAN AHLI JAWATANKUASA PKSCKYS SESI 2017 - 2019

Yang Dipertua	-	En. Abdul Halim Abdul Hafiz
Naib Yang Dipertua	-	Pn. Anizan Ibrahim
Setiausaha	-	Pn. Norlinda Nasruddin
Penolong Setiausaha	-	Cik Norfazura Jafri
Bendahari	-	Pn. Nora Azlina Abd Razak
Ahli Jawatankuasa	-	En. Zamzuri Ja'afar (Ketua Biro Akademik)
	-	En. Syaifuddin Mohamed Razif (Ketua Biro Dokumentasi & Media)
	-	En. Khairuman Abu Yamin (Ketua Biro Pelancongan)
	-	En. Muhammad Nur Waafi Badrudin (Ketua Biro Agama)
	-	En. Shahril Anas Mohd Saad (Ketua Biro Ekonomi)
	-	En. Fadhli Husni (Ketua Biro Sukan)
	-	En. Azmi Ahmad (Ketua Biro Kebajikan)
	-	Pn. Nurul Ain Muzammil (Ketua Biro Hal Ehwal Wanita)
Pemeriksa Kira-kira :	-	YM Raja Shahril Shah Raja Hashim
	-	Pn. Rumizah Ramin

2.0 REKOD KEHADIRAN MESYUARAT

NAMA	2017					2018	
	11/4	3/5	12/7	10/10	14/12	18/1	15/3
En. Abdul Halim Abdul Hafiz	/	/	/	/	X	X	/
Pn. Anizan Ibrahim	/	/	/	/	/	/	/
Pn. Norlinda Nasruddin	-*	/	/	/	X	/	X
Cik Norfazura Jafri	-*	/	/	/	/	/	/
Pn. Nora Azlina Abd Razak	X	/	/	X	/	X	/
En. Zamzuri Ja'afar	/	/	X	/	/	X	/
En. Syaifuddin Mohamed Razif	/	/	/	/	X	/	X
En. Khairuman Abu Yamin	/	/	X	/	/	X	/
En. Muhammad Nur Waafi Badrudin	/	/	X	/	X	/	/
En. Shahril Anas Mohd Saad	/	/	/	/	/	/	X
En. Fadhli Husni	/	/	/	X	/	X	/
En. Azmi Ahmad	/	/	/	X	X	/	X
Pn. Nurul Ain Muzammil	/	X	/	/	X	/	/

Nota - AJK belum dilantik pada tarikh Mesyuarat*

3.0 TAKWIM TAHUNAN PKSCKYS TAHUN 2017

Program atau aktiviti yang dijalankan pada tahun 2017 untuk ahli-ahli persatuan seperti berikut :-

TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI
MEI	Pertandingan Ten Pin Bowling Terbuka Yayasan Selangor
MEI	Ceramah Kerohanian – “Kemuliaan Ramadhan Kembali Lagi”
MEI	Program Kecantikan – “Jom Cantik”
JUN	Tazkirah Ramadhan – “ Amalan Disyariatkan di Bulan Syawal Yang Kian Diabaikan.
JUN	Majlis Jalinan Mesra Aidilfitri Yayasan Selangor
JUN	Penyampaian Sumbangan Ramadhan / Aidilfitri
JUN	Tabung Prihatin Baby Auliya
JULAI	Sumbangan Jamuan Raya Yayasan Selangor
OGOS	Program Jom Sihat – “Merdeka Zumba”
OGOS	Lawatan Jabatan Pertubuhan Negeri Selangor (ROS)
OKTOBER	Persahabatan Bolasepak Perlawanan UNIKL
OKTOBER	Persahabatan Bolasepak Perlawanan MBI
NOVEMBER	Persahabatan Bolasepak Perlawanan Selgate
NOVEMBER	Lawatan Sempena Kuala Lumpur International Craft Festival (KLICF 2017)
DISEMBER	Sumbangan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Yayasan Selangor 2015 dan 2016
JAN - DIS	Latihan Futsal dan Bolasepak
JAN - DIS	Kelas Mengaji Al Quran
JAN - DIS	Sewa Padang AYSKL

4.0 LAPORAN AKTIVITI PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR 2017

4.1 PERTANDINGAN TEN PIN BOWLING TERBUKA YAYASAN SELANGOR

Biro Sukan telah mengadakan pertandingan **Ten Pin Bowling Terbuka Yayasan Selangor** pada 19 Mei 2017 bertempat di Ampang Superbowl Malaysia di Kompleks membeli – belah The Summit Subang USJ. Program yang disertai seramai 98 ahli persatuan yang terdiri daripada warga kerja Ibu pejabat, Asrama, Kem Bina Semangat Ampang Pechah dan The Woods. Objektif penganjuran program tahunan itu adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara ahli persatuan disamping dapat memupuk semangat kesukanan. Program ini telah telah dirasmikan oleh Puan Zahura Zakry dan beliau juga berbesar hati menyampaikan hadiah berbentuk plaque dan hamper kepada para pemenang. Beriku adalah senarai nama pemenang bagi pertandingan Ten Pin bowling Terbuka Yayasan Selangor :-

Pemenag (Kategori)		
Lelaki Individu	Wanita Individu	Berkumpulan
Ahmad Fauzani Ismail	Nora Azlina Abd Razak	Komunikasi Korporat
Zaini Sulaiman	Nurul Ain Muzammil	Hal Ehwal Pelajar
Syaifuddin Mohamed Razif	Leena Farhana Abd Latif	Kem Bina Semangat

4.2 CERAMAH KEROHANIAN – “KEMULIAAN RAMADHAN KEMBALI LAGI”

Bersempena dengan kehadiran bulan Ramadhan pada tahun 2017 bersamaan 1438 H, Persatuan berbesar hati berkolaborasi bersama Unit Sumber Manusia menganjurkan ceramah kerohanian. Ceramah yang berjudul “**Kemuliaan Bulan Ramadhan Kembali Lagi**” telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Al Fadhil Ustaz Syed Mohd Bakri Syed Ishak atau lebih dikenali sebagai PU Syed. Beliau merupakan juara program keagamaan terbitan Astro iaitu Pencetus Ummah bagi tahun 2015. Program ini telah dihadiri oleh warga kerja Yayasan Selangor dan telah diadakan pada 26 Mei 2017 di Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor.

Sepanjang ceramah tersebut, pelbagai ilmu berkaitan fadhilat ibadah puasa dan amalan-amalan sunat telah dikongsi bersama sebagai persiapan menghadapi bulan Ramadhan Al-Mubarak.

4.3 PROGRAM KECANTIKAN – JOM CANTIK

Persatuan melalui Biro Hal Ehwal Wanita telah menganjurkan **program kecantikan “Jom Cantik”** khas untuk warga kerja Yayasan Selangor. Objektif program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada kakitangan wanita terutamanya mengenai teknik atau kaedah yang betul melibatkan dandanan wajah ke pejabat, tips penjagaan kulit dan khidmat nasihat berkaitan penggunaan produk-produk kecantikan. Wakil konsultan kecantikan bertauliah dari Mary Kay iaitu Pn. Suhaida Misran telah dijemput hadir berkongsi maklumat dan infomasi kecantikan disamping mempromosikan jualan produk-produk kecantikan keluaran Mary Kay. Program tersebut telah diadakan pada 23 Mei 2017 di Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor Petaling Jaya. Program ini mendapat sambutan menggalakkan dari kakitangan wanita khususnya.

4.4 MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SUMBANGAN SEMPENA RAMADHAN DAN HARI RAYA IDULFITRI

Majlis Berbuka puasa peringkat Yayasan Selangor telah diadakan pada 16 Jun 2017 bertempat di Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor. Program dimulai dengan Majlis Khatam Al Quran yang berlangsung pada pukul 5.30 petang. Seterusnya, pihak Persatuan berbesar hati menyampaikan **sumbangan kurma dan duit raya bernilai RM 50.00** kepada setiap ahli persatuan. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Puan Zahura Zakry, Pemangku Pengurus Besar Yayasan Selangor. Seterusnya adalah slot tazkirah yang bertajuk **“Amalan Disyariatkan di Bulan Syawal yang Kian Diabaikan”** disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Syed Mohd Norhisyam Al Idrus. Setelah selesai slot tazkirah dan waktu berbuka puasa, warga kerja turut menunaikan solat Maghrib, Isyak dan juga tarawikh secara berjemaah. Majlis diakhiri dengan jamuan moreh yang disediakan kepada warga kerja Yayasan Selangor.

4.5 SUMBANGAN MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI YAYASAN SELANGOR

Yayasan Selangor telah menganjurkan **Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri** pada 17 Ogos 2017 yang diadakan di Dewan Besar Tingkat 9, Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya. Pelbagai juadah hidangan disediakan kepada warga kerja dan para jemputan yang hadir.

Pihak persatuan berbesar hati menyumbangkan 2000 cucuk satay dan cendol kepada ahli dan tetamu yang hadir. Majlis yang dihadiri oleh tetamu VIP, guru-guru, penyewa, panel peguam dan warga kerja turut diserikan dengan persembahan nyanyian lagu-lagu raya dari warga kerja dan tetamu yang hadir.

4.6 TABUNG PRIHATIN BABY UKHAYRA AULIYA AFANDY

Diatas keprihatinan pihak persatuan tidak melupakan ahli atau keluarga terdekat yang memerlukan bantuan khas atau rawatan hospital. Justeru itu, Pihak Persatuan mengambil inisiatif membuat kutipan amal "**Tabung Prihatin Baby Auliya**" di Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri untuk meringankan bebanan ahli persatuan, Puan Muzaliha Mohd Yusof.

4.7 PROGRAM JOM SIHAT 2017 – MERDEKA ZUMBA

Bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan Negara Kali ke - 60, Persatuan berbesar hati berkolaborasi bersama Unit Sumber Manusia menganjurkan **Program Jom Sihat 2017 – Merdeka Zumba** pada 17 Ogos 2017. Program ini diadakan di Dewan Besar Tingkat 9, Menara Yayasan Selangor dan dibimbing oleh tenaga pengajar, Puan Rohaida Mohammad. Matlamat utama pelaksanaan program adalah untuk mengamalkan gaya hidup sihat disamping dapat membentuk jalinan ukhuwah yang erat sesama ahli dan pengurusan Yayasan selaras dengan tema Hari Kebangsaan 2017 iaitu "Negeraku Sehati Sejiwa".

4.8 LAWATAN JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN NEGERI SELANGOR (Registry Of Societies)

Pada 2 Ogos 2017, **Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor (ROS)** julung kalinya hadir mengadakan lawatan ke Yayasan Selangor untuk menjalankan semakan dokumen berhubung pendaftaran syarikat / organisasi melalui sistem EROSES. Dokumen yang disemak adalah buku pendaftaran ahli, borang keahlian, resit persatuan, minit mesyuarat AGM dan pegawai pentadbir, Penyata Tahunan, Undang-undang Persatuan / Perlembagaan Persatuan, Sijil Pendaftaran Persatuan dan Sijil Pemegang Amanah / Harta. Berdasarkan semakan yang dijalankan pihak Persatuan telah berjaya mengemaskini sistem EROSES dan dokumen pendaftaran dengan lengkap dan terperinci.

4.9 PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK (PKSKKYS VS MBI)

Perlawanan Persahabatan Bolasepak diantara Persatuan Kebajikan, Sukan, Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor (PKSKKYS) dan Perbadanan Menteri Besar (MBI) telah diadakan pada 27 Oktober 2017 bertempat di Stadium Mini Shah Alam, Selangor. Perlawanan ini telah dimenangi oleh pasukan Perbadanan Menteri Besar dengan keputusan 1 – 0. Kejohanan yang bermula pada jam 8.30 malam ini turut disertai oleh pucuk pimpinan dan warga kerja MBI.

Antara objektif perlawanan persahabatan ini diadakan adalah sebagai satu platform untuk memupuk semangat kesukanan dan mengeratkan hubungan kerjasama di antara warga kerja Yayasan Selangor dan MBI.

4.10 PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK (PKSKKYS VS UNIKL)

Pada 31 Oktober 2017, pihak persatuan telah menyertai Perlawanan Persahabatan Bolasepak bersama UNIKL di Padang AYSKL. Pihak persatuan telah memenangi perlawanan dengan keputusan 1 – 0. Perlawanan persahabatan ini sebagai satu cara untuk meningkatkan kecergasan diri sebelum menghadapi sukan PESAYA.

4.11 PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK (PKSKKYS VS SELGATE)

Pada 30 Januari 2018, pihak persatuan telah menghantar pasukan bolasepak seramai 20 pemain untuk menyertai **Perlawanan Persahabatan Bolasepak melawan Selgate Corporation** di padang SUK, Shah Alam Selangor. Perlawanan persahabatan ini telah dimenangi oleh pasukan Selgate Corporation dengan keputusan 4 - 1. Dengan perlawanan ini, setiap ahli dapat meningkatkan semangat juang dalam perlawanan dan sebagai persediaan awal dalam menghadapi sukan PESAYA tahun hadapan.

4.12 LAWATAN KUALA LUMPUR INTERNATIONAL CRAFT FESTIVAL (KLICF 2017)

Persatuan Kebajikan Sukan Dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor (PKSKKYS) dengan kerjasama Unit Sumber Manusia telah mengadakan lawatan pada 23 November 2017 ke **Kuala Lumpur International Craft Festival (KLIFC)** yang julung kalinya diadakan di Dataran Putrajaya, Kuala Lumpur. Lawatan ini diadakan atas jemputan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia dan seramai 20 orang kakitangan telah dipilih sebagai peserta. Sepanjang lawatan diadakan, pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah menyediakan seorang pegawai bertugas iaitu Cik Fatimah Busu yang bertanggungjawab sebagai pemandu arah. Festival kraf ini disertai oleh 349 usahawan kraf iaitu 224 usahawan tempatan dan 170 lagi adalah peserta dari 34 buah negara.

4.13 SUMBANGAN MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG YAYASAN SELANGOR 2015 DAN 2016

Pada 22 Disember 2017, Yayasan Selangor telah menganjurkan **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Warga Kerja Yayasan Selangor bagi tahun 2015 dan 2016** di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya Selangor. Persatuan telah memberi sumbangan tunai RM 2,000.00 untuk memberi penghargaan kepada ahli-ahli persatuan yang cemerlang, berdaya saing dan menunjukkan prestasi kerja yang tinggi.

4.14 LATIHAN BADMINTON

Persatuan melalui Biro Sukan telah mengadakan **latihan badminton** sekali setiap seminggu (terbuka lelaki dan perempuan). Aktiviti ini diadakan selepas waktu bekerja bertempat di Challenger SS 14 Badminton Court, Shah Alam Selangor.

4.15 LATIHAN FUTSAL

Persatuan melalui Biro Sukan juga telah mengadakan **latihan futsal** sekali seminggu (Jumaat) bertempat di Samba De Futsal atau Triway Shah Alam. Aktiviti ini diadakan untuk meningkatkan stamina dan kecergasan ahli untuk persediaan latihan Sukan PESAYA tahun hadapan.

4.16 KELAS MENGAJI AL QURAN DAN TAJWID

Diatas kesedaran pentingnya ilmu mendalami Al Quran, Persatuan telah menganjurkan **kelas pengajian Al Quran dan Tajwid**. Kelas pengajian ini diadakan pada waktu rehat setiap hari Jumaat. Lebih 15 ahli wanita menghadiri kelas pengajian yang dipimpin oleh Ustazah Siti Aishah Binti Sidek.

USUL – USUL AHLI
PKSKKYS

